

PM lawat Kedah hari ini
Utusan Online
30 April, 2013

ALOR SETAR 29 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual mengadakan lawatan ke negeri ini untuk menghadiri tiga program di sini dan Baling esok.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, Najib dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Halim kira-kira pukul 9 pagi.

"Beliau akan bersama orang ramai menikmati sarapan pagi di pekan Kepala Batas dan kemudian merasmikan Sekolah Kebangsaan Taman Awana, Alor Setar pada pukul 10 pagi.

"Perdana Menteri selepas itu akan berangkat ke Padang Awam Keda di Kupang, Baling bagi menghadiri majlis perjumpaan bersama rakyat pada pukul 12.15 tengah hari," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Ahmad Bashah, Najib kemudian dijangka bertolak ke Pulau Pinang kira-kira pukul 2 petang bagi menghadiri program lain.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130430/px_25/PM-lawat-Kedah-hari-
ini#ixzz2ZoP2rOgc](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130430/px_25/PM-lawat-Kedah-hari-
ini#ixzz2ZoP2rOgc)